

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB YOUNG GRADUATE”

Kempen “PB Young Graduate” (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 (6463-H)) (“PBB”). Terma dan syarat di bawah (“Terma dan Syarat”) akan mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung mulai **1 Januari 2025** hingga **30 Jun 2025**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di kesemua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu baharu dan sedia ada berumur 18 sehingga 35 tahun pada waktu penyertaan yang telah:
 - a) menerima pinjaman perumahan PBB yang ditawarkan di bawah “PB Young Graduate” (“Pinjaman Perumahan YG”); dan
 - b) pengeluaran pertama Pinjaman Perumahan YG mereka dikeluarkan semasa Tempoh Kempen.

(“Peserta yang Layak”)
- 2.2 Untuk akaun bersama / permohonan pinjaman bersama, Peserta yang Layak merupakan pemegang akaun bagi akaun bersama / pemohon bagi permohonan pinjaman bersama yang namanya pertama tercatat dalam rekod PBB.
- 2.3 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad;
 - b) Pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - c) Individu yang tidak waras;
 - d) Individu yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan

- e) Individu yang akaunnya dipegang dengan PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Produk yang Layak
1.	Akaun Simpanan PLUS ^a (“PLUS SA”)
2.	Dana Unit Amanah Ekuiti / Berimbang / Aset Bercampur Siri PB ^b (“UA”)
3.	<p>Produk Bankasurans / Banktakaful Premium / Caruman Tunggal / Biasa (“Banka”)</p> <p><u>Bankasurans^c:</u></p> <p>a) Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Biasa (“Produk Premium Biasa”):</p> <p>i) empower 2</p> <p>ii) PB Elite Signature</p> <p>iii) PB WealthElite Xtra2</p> <p>b) Pelan Insurans Tanpa Penyertaan Premium Biasa dengan Ciri-ciri Berkaitan Pelaburan (“Produk Premium Biasa”):</p> <p>i) PB Max Advantage</p> <p>c) Pelan Bertempoh Tanpa Penyertaan Premium Biasa (“Produk Premium Biasa”):</p> <p>i) PB Venture Shield</p> <p>d) Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Tunggal (“Produk Premium Tunggal”)</p> <p>i) PB Smart Link</p> <p>ii) PB Smart Elite</p> <p>iii) PB Signature Legacy</p> <p><u>Banktakaful^d:</u></p> <p>a) Pelan Takaful Keluarga Caruman Biasa (“Produk Caruman Biasa”):</p> <p>i) PB Wealth Amanah</p> <p>b) Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan Caruman Tunggal Patuh Syariah (“Produk Caruman Tunggal”)</p> <p>i) PB Excellink-i</p>

- ^a Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
- ^b UA diuruskan oleh Public Mutuall Berhad (“PMB”).
- ^c Produk Bankasurans ditaja jamin oleh AIA Berhad.
- ^d Produk Banktakaful ditaja jamin oleh AIA PUBLIC Takaful Berhad.

3.2 Amaun deposit yang perlu diletakkan dalam PLUS SA mestilah dana baharu.

3.3 “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap sebagai “dana baharu”.

4. Ganjaran Alu-aluan

4.1 Peserta yang Layak dikehendaki memenuhi **KESEMUA** kriteria kelayakan yang berikut semasa Tempoh Kempen untuk layak mendapat **Ganjaran Alu-aluan sebanyak RM28 (“Ganjaran Alu-aluan”)**.

- a) Menyenggara PLUS SA atas nama Peserta yang Layak atau sebagai pemegang akaun yang namanya pertama bagi PLUS SA bersama (“PLUS SA yang Ditetapkan”).

Sekiranya Peserta yang Layak tidak mempunyai PLUS SA dengan Bank, Peserta yang Layak dikehendaki membuka PLUS SA baharu dengan Bank;

- b) Mengekalkan Baki Purata Harian (“DAB”) minimum sebanyak RM5,000 dalam PLUS SA yang Ditetapkan untuk 90 hari kalendar;
- c) Memohon dan mengekalkan Kad Debit PBB yang sah untuk PLUS SA yang Ditetapkan;
- d) Mendaftar atau mempunyai akses kepada Perbankan Dalam Talian dan Mudah Alih PBB; dan
- e) Mendaftar untuk arahan tetap (“SI”) atau telah mendaftar SI sebelum Tempoh Kempen dengan PLUS SA yang Ditetapkan bagi pembayaran balik Pinjaman Perumahan YG.

4.2 Pengiraan DAB adalah seperti yang berikut:-

- a) PLUS SA yang Ditentukan baharu dibuka semasa Tempoh Kempen:

Jumlah baki akhir hari untuk 90 hari kalendar dari hari PLUS SA yang Ditentukan dibuka
90 hari kalendar

Ilustrasi:

Pelanggan A membuka PLUS SA yang Ditentukan baharu pada 20 Februari 2025:

Tarikh	Bil. hari kalendar	Baki akhir hari
20 hingga 28 Februari 2025	9	RM8,000
1 hingga 14 Mac 2025	14	RM6,500
15 hingga 31 Mac 2025	17	RM9,000
1 hingga 30 April 2025	30	RM7,000
1 hingga 20 Mei 2025	20	RM10,000

Jumlah baki akhir hari untuk 90 hari kalendar	$(RM8,000 \times 9 \text{ hari}) + (RM6,500 \times 14 \text{ hari}) + (RM9,000 \times 17 \text{ hari}) + (RM7,000 \times 30 \text{ hari}) + (RM10,000 \times 20 \text{ hari}) = RM726,000$
DAB untuk 90 hari kalendar	$RM726,000 / 90 \text{ hari kalendar} = RM8,066.67$

Pelanggan A memenuhi kriteria di bawah fasal 4.1(b) dengan mengekalkan DAB minimum sebanyak RM5,000 untuk 90 hari kalendar.

- b) PLUS SA yang Ditentukan sedia ada dibuka sebelum Tempoh Kempen:

Jumlah baki akhir hari untuk 90 hari kalendar dari hari Pinjaman Perumahan YG Peserta yang Layak dikeluarkan oleh Bank untuk kali pertama
90 hari kalendar

Ilustrasi:

Pelanggan B mengekalkan PLUS SA yang Ditetapkan sebelum Tempoh Kempen dan Pinjaman Perumahan YG dikeluarkan oleh Bank untuk kali pertama pada 10 April 2025:

Tarikh	Bil. hari kalendar	Baki akhir hari
10 hingga 30 April 2025	21	RM5,500
1 hingga 31 Mei 2025	31	RM4,500
1 hingga 8 Jun 2025	8	RM6,800
9 Jun hingga 8 Julai 2025	30	RM3,250

Jumlah baki akhir hari untuk 90 hari kalendar	$(RM5,500 \times 21 \text{ hari}) + (RM4,500 \times 31 \text{ hari}) + (RM6,800 \times 8 \text{ hari}) + (RM3,250 \times 30 \text{ hari}) = RM406,900$
DAB untuk 90 hari kalendar	$RM406,900 / 90 \text{ hari kalendar} = RM4,521.11$

Pelanggan B tidak memenuhi kriteria di bawah fasal 4.1(b) kerana Pelanggan B tidak mengekalkan DAB minimum sebanyak RM5,000 untuk 90 hari kalendar. Oleh itu, Pelanggan B **TIDAK** layak untuk Ganjaran Alu-aluan.

- 4.3 Setiap Peserta yang Layak layak untuk memenangi satu (1) Ganjaran Alu-aluan sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- 4.4 Ganjaran Alu-aluan akan dikreditkan dalam PLUS SA yang Ditetapkan milik Peserta yang Layak dalam tempoh enam (6) bulan selepas hari terakhir bagi 90 hari kalendar masing-masing.

5. Ganjaran Xtra

- 5.1 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak yang melabur / membeli / melanggan / mengambil bahagian dalam mana-mana Produk yang Layak yang berikut akan layak menerima **e-Baucar Shopee bernilai RM188 (“Ganjaran Xtra”)**:
- untuk UA, amaun pelaburan kumulatif minimum sebanyak RM20,000; atau
 - untuk Banka, amaun minimum sebanyak RM5,000 bagi Premium / Caruman Tahunan untuk produk Premium / Caruman Biasa atau amaun minimum sebanyak RM10,000 bagi Premium / Caruman Tunggal untuk produk Premium / Caruman Tunggal.

5.2 Terma Khusus bagi UA

- a) Amaun pelaburan kumulatif dalam kombinasi dana yang berlainan atau hari yang berlainan semasa Tempoh Kempen adalah dibenarkan.
- b) UA yang berikut **TIDAK** dianggap sebagai Produk yang Layak dalam Kempen ini:
 - Semua jenis urus niaga tukar ganti;
 - Dana Unit Amanah Ekuiti/Berimbang/Aset Bercampur e-Siri Public;
 - Pelaburan yang dibuat menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”);
 - Pelaburan yang dibuat melalui platform dalam talian iaitu Public Mutual Online (“PMO”);
 - Pelaburan yang dibuat melalui kempen berkaitan UA yang lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB;
 - Pelaburan dalam Skim Persaraan Swasta (“PRS”).
- c) Semua pelaburan UA mesti dibuat semasa Tempoh Kempen dan mesti diproses oleh Public Mutual Berhad (“PMB”) selewat-lewatnya pada 30 Jun 2025 untuk layak mendapat Ganjaran Xtra.
- d) Jika UA dibatalkan semasa “tempoh bertenang” masing-masing, Peserta yang Layak tidak layak untuk Ganjaran Xtra.
- e) “Tempoh bertenang” merujuk tempoh enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh penerimaan borang permohonan pelaburan oleh dan bayaran kepada PMB. Tempoh bertenang ini hanya diterima pakai kepada Peserta yang Layak yang melabur dalam apa-apa UA dengan PMB untuk kali pertama.
- f) Pelaburan UA ini juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh PMB dari semasa ke semasa.

5.3 Terma Khusus bagi Banka

- a) Peserta yang Layak mestilah Pemilik Polisi / Sijil. Peserta yang Layak boleh membeli / melanggan / mengambil bahagian dalam pelbagai polisi / sijil bagi setiap produk Bankasurans / Banktakaful dalam Tempoh Kempen tetapi hanya akan layak untuk satu (1) Ganjaran Xtra tanpa mengambil kira produk Bankasurans / Banktakaful yang dibeli / dilanggan / diambil bahagian oleh Peserta yang Layak seperti yang dinyatakan dalam fasal 5.1(b).
- b) Produk telepemasaran, produk Insurans Hayat / Takaful Berkaitan Kredit dan semua pelan kumpulan **TIDAK** layak untuk Kempen ini.
- c) Semua kes Bankasurans / Banktakaful mesti diterima semasa Tempoh Kempen dan akan dikuatkuasakan selewat-lewatnya pada 15 Julai 2025.

- d) Kes yang dikuatkuasakan semasa Tempoh Kempen tetapi dibatalkan semasa “Tempoh Percubaan”, diserahkan balik, penggantian polisi (“ROP”) / penggantian sijil (“ROC”) **TIDAK** layak untuk dipertimbangkan bagi Kempen ini dan tidak layak untuk mendapat Ganjaran Xtra.
 - e) “Tempoh Percubaan” merujuk tempoh lima belas (15) hari bermula dari tarikh penerimaan dokumen polisi atau sijil, mengikut keadaan, berkaitan dengan produk Bankasurans / Banktakaful, sama ada dalam bentuk salinan bercetak atau e-Polisi / e-sijil oleh Peserta yang Layak.
 - f) Pembelian / Langganan / Penyertaan dalam Bankasurans / Banktakaful juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh AIA Berhad atau AIA PUBLIC Takaful Berhad dari semasa ke semasa.
- 5.4 Setiap Peserta yang Layak layak untuk memenangi dua (2) Ganjaran Xtra sahaja sepanjang Tempoh Kempen, iaitu satu untuk UA dan satu untuk Banka.
- 5.5 Ganjaran Xtra juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd (Shopee) dari semasa ke semasa.
- 5.6 Setiap Ganjaran Xtra hanya sah untuk satu (1) kali penebusan sahaja.
- 5.7 Peserta yang Layak yang layak untuk Ganjaran Xtra akan menerima kod baucar melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) melalui nombor telefon mudah alih Peserta yang Layak yang didaftarkan dengan PBB / PIBB atau seperti yang terdapat dalam sistem PBB / PIBB dalam tempoh enam (6) bulan selepas akhir Tempoh Kempen.

6. Ganjaran Bonus

- 6.1 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak akan diberi ganjaran dengan kadar faedah bonus sebanyak 1% setahun (“Ganjaran Bonus”) sekiranya mereka mengekalkan Baki Purata Bulanan (“MAB”) minimum sebanyak RM10,000 untuk bulan kalendar masing-masing dalam PLUS SA yang Ditentukan yang telah didaftarkan untuk SI bagi pembayaran balik Pinjaman Perumahan YG.
- 6.2 Ganjaran Bonus dihadkan kepada MAB maksimum sebanyak RM50,000 dalam PLUS SA yang Ditentukan sepanjang Tempoh Kempen.

6.3 Pengiraan MAB dan Ganjaran Bonus adalah seperti yang berikut:

a) PLUS SA yang Ditentukan baharu dibuka semasa Tempoh Kempen:

Huraian	MAB	Ganjaran Bonus
Bulan Pembukaan Akaun	Jumlah keseluruhan baki akhir hari dari hari PLUS SA yang Ditentukan dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar / Jumlah bilangan hari dikira dari hari PLUS SA yang Ditentukan dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar	$MAB \times 1\% \text{ setahun} \times (\text{Jumlah bilangan hari dikira dari hari PLUS SA yang Ditentukan dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar} / 365 \text{ hari})$
Bulan Berikutnya	Jumlah keseluruhan baki akhir hari untuk bulan kalendar / Jumlah bilangan hari dalam bulan kalendar masing-masing	$MAB \times 1\% \text{ setahun} \times (\text{Jumlah bilangan hari dalam bulan kalendar masing-masing} / 365 \text{ hari})$

Ilustrasi:

Pelanggan C membuka PLUS SA yang Ditentukan baharu pada 2 Mei 2025:

Tarikh	Bil. hari	Baki akhir hari
2 hingga 31 Mei 2025	30	RM16,500
1 hingga 22 Jun 2025	22	RM11,000
23 hingga 30 Jun 2025	8	RM6,000

Bulan	Pengiraan		
	Jumlah keseluruhan baki akhir hari bagi bulan kalendar	MAB bagi bulan	Ganjaran Bonus
Mei	$RM16,500 \times 30 \text{ hari} = RM495,000$	$RM495,000 / 30 \text{ hari} = RM16,500$	$RM16,500 \times 1\% \text{ setahun} \times (30 / 365 \text{ hari}) = RM13.56$
Jun	$(RM11,000 \times 22 \text{ hari}) + (RM6,000 \times 8 \text{ hari}) = RM290,000$	$RM290,000 / 30 \text{ hari} = RM9,666.67$	Tidak layak.

b) PLUS SA yang Ditentukan sedia ada dibuka sebelum Tempoh Kempen:

Huraian	MAB	Ganjaran Bonus
Bulan Pinjaman Dikeluarkan	Jumlah keseluruhan baki akhir hari dari hari Pinjaman Perumahan YG Peserta yang Layak dikeluarkan oleh Bank untuk kali pertama hingga hari terakhir bulan kalendar / Jumlah bilangan hari dikira dari hari Pinjaman Perumahan YG Peserta yang Layak dikeluarkan oleh Bank untuk kali pertama hingga hari terakhir bulan kalendar	MAB x 1% setahun x (Jumlah bilangan hari dikira dari hari Pinjaman Perumahan YG Peserta yang Layak dikeluarkan oleh Bank untuk kali pertama hingga hari terakhir bulan kalendar / 365 hari)
Bulan Berikutnya	Jumlah keseluruhan baki akhir hari untuk bulan kalendar / Jumlah bilangan hari dalam bulan kalendar masing-masing	MAB x 1% setahun x (Jumlah bilangan hari dalam bulan kalendar masing-masing / 365 hari)

Ilustrasi:

Pelanggan D membuka PLUS SA yang Ditentukan sebelum Tempoh Kempen dan Pinjaman Perumahan YG dikeluarkan oleh Bank untuk kali pertama pada 6 Mei 2025:

Tarikh	Bil. hari	Baki akhir hari
6 hingga 31 Mei 2025	26	RM53,000
1 hingga 18 Jun 2025	18	RM13,000
19 hingga 30 Jun 2025	12	RM22,000

Bulan	Pengiraan		
	Jumlah keseluruhan baki akhir hari bagi bulan kalendar	MAB bagi bulan	Ganjaran Bonus
Mei	RM53,000 x 26 hari = RM1,378,000	RM1,378,000 / 26 hari = RM53,000	RM50,000 x 1% setahun x (26 / 365 hari) = RM35.62
Jun	(RM13,000 x 18 hari) + (RM22,000 x 12 hari) = RM498,000	RM498,000 / 30 hari = RM16,600.00	RM16,600.00 x 1% setahun x (30 / 365 hari) = RM13.64

- 6.4 Bayaran Ganjaran Bonus akan dikreditkan dalam PLUS SA yang Ditetapkan milik Peserta yang Layak dalam tempoh enam (6) bulan selepas akhir Tempoh Kempen.

7. Terma dan Syarat Lain

- 7.1 Ganjaran Alu-aluan, Ganjaran Xtra dan Ganjaran Bonus di bawah Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar untuk tunai pendahuluan, kredit, manfaat atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 7.2 Peserta yang Layak tidak akan layak untuk Ganjaran Alu-aluan, Ganjaran Xtra dan Ganjaran Bonus di bawah Kempen ini sekiranya PLUS SA yang Ditetapkan ditutup, ditukar, digantung, dibatalkan, ditamatkan, dorman atau tidak aktif semasa Tempoh Kempen sebelum Ganjaran Alu-aluan, Ganjaran Xtra dan Ganjaran Bonus dikreditkan.
- 7.3 PBB berhak untuk menarik balik apa-apa Ganjaran Alu-aluan, Ganjaran Xtra dan Ganjaran Bonus sekiranya Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan/atau apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini tidak dipatuhi.
- 7.4 Penukaran apa-apa jenis akaun lain kepada PLUS SA semasa Tempoh Kempen tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 7.5 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk dan/atau kempen lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

8. Terma dan Syarat Am

- 8.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan/atau apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan/atau apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 8.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan semua perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Peserta yang Layak. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini, Ganjaran Alu-aluan, Ganjaran Xtra dan/atau Ganjaran Bonus.
- 8.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinannya kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan kesemua maklumat Peserta yang Layak yang diberi bagi tujuan Kempen ini.
- 8.4 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk atau walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini, Ganjaran Alu-aluan, Ganjaran Xtra dan/atau Ganjaran Bonus kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 8.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini, Ganjaran Alu-aluan, Ganjaran Xtra dan/atau Ganjaran Bonus yang ditawarkan dan/atau disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 8.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini, Ganjaran Alu-aluan, Ganjaran Xtra dan/atau Ganjaran Bonus.

- 8.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan atau berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 8.8 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam transmisi apa-apa urusan niaga yang dijalankan melalui Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank atau yang dikesan dalam sistem PBB, yang mungkin menyebabkan Peserta yang Layak terkeluar daripada proses pemilihan semasa Tempoh Kempen.
- 8.9 PBB berhak:
- a) untuk menambah, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, meletakkan notis di cawangan PBB atau apa-apa cara lain seperti yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda itu akan diterima pakai berbanding dengan apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini;
 - b) untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum Tempoh Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, pada bila-bila masa, dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, meletakkan notis di cawangan PBB atau apa-apa cara lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan Kempen ini tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana dan kesemua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut.
- 8.10 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 8.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Privasi PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak melalui laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.

8.12 Peserta yang Layak diingatkan agar membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mengambil bahagian dalam Kempen ini. Sekiranya terdapat apa-apa terma yang tidak difahami oleh Peserta yang Layak, Peserta yang Layak dinasihatkan agar mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lebih lanjut dengan wakil PBB.

Ruang Selebihnya Pada Muka Surat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong
